

Edisi

إديسي

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

Bil: 2/2020 • NASKHAH PERCUMA • www.mais.gov.my • No. ISSN: 2289 -635X



**HARI KIAMAT:
SENTIASA BERSEDIA!**

MS 4

BILAKAH BERAKHIRNYA USIA DUNIA?

Lihat • ms/3 >>



Kata-Kata Hikmah

“Berusaha, berazam, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT adalah kunci kejayaan seseorang mukmin”

Dr. Che Mad

**KEMENANGAN
DI SEBALIK MUSIBAH**

MS 7

**JALAN MENUJU
KE SYURGA**

MS 8

IMAM AL-TIRMIDZI

MS 18

QADA' FIDYAH




BAGAIMANA SESEORANG ITU PERLU QADA' PUASA RAMADAN ATAU PERLU MEMBAYAR FIDYAH ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI?

KES	QADA'	FIDYAH
▶ Perempuan yang hamil dan bimbangkan keselamatan dirinya sendiri jika dia berpuasa Ramadan.	✓	✗
▶ Wanita yang bimbang akan keselamatan ke atas bayi yang dikandungnya jika dia berpuasa Ramadan seperti dikhawatiri berlaku keguguran.	✓	✓
▶ Ibu yang menyusukan anak dan bimbang keselamatan dirinya jika dia berpuasa Ramadan.	✓	✗
▶ Ibu yang bimbang akan memudaratkan bayi yang disusunya jika dia berpuasa Ramadan seperti kurang air susu atau menjejaskan kesihatan bayinya itu.	✓	✓
▶ Perempuan yang didatangi haid dan menghalangnya berpuasa Ramadan.	✓	✗
▶ Orang tua yang tidak mampu berpuasa Ramadan dan jika dia berpuasa akan memudaratkan dirinya sendiri dan kesihatan tubuh badannya.	✗	✓
▶ Orang yang sakit berpanjangan dan tidak diharapkan boleh sembuh berdasarkan pengesahan doktor perubatan.	✗	✓
▶ Orang yang sakit sehingga dia tidak boleh berpuasa dan telah sembuh dari penyakitnya atau kesakitannya.	✓	✗
▶ Orang yang musafir dan telah berbuka puasa kerana musafirnya.	✓	✗
▶ Orang yang sakit atau musafir yang tidak menggantikan (qada') puasa pada tahun ia ditinggalkan hingga masuk bulan Ramadan tahun yang berikutnya.	✓	✓
▶ Orang yang melambatkan ganti (qada') puasanya hingga telah melangkah bulan Ramadan tahun yang berikutnya.	✓	✓
▶ Orang yang telah meninggal dunia dan tidak menyempurnakan puasa Ramadan pada masa hayatnya.	✗	✓

* Kiraan fidyah di Selangor adalah tidak berganda walaupun melangkaui tahun.

NAK BAYAR FIDYAH?
Online jer



BERWASIAH KINI LEBIH MUDAH

Semuanya Di hujung Jari

Hanya dengan **RM300** anda kini boleh berwasiat dengan **eWasiat MAIS**

Daripada Abdullah bin Umar r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: "Tidak sepatutnya seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu ingin diwasiatkan tidur dua malam melainkan dia menulis wasiat di sisinya." (Riwayat Muslim)

Kos Efektif | Mudah | Badan Yang Diiktiraf

Perkhidmatan Wasiat di MAIS

MAIS berbidang kuasa dan berkeajaaran dalam penulisan, penyimpanan dan pelaksanaan wasiat selaras di bawah Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 dan Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat (Orang Islam) Negeri Selangor 2008.

Tanggungjawab MAIS sebagai Wasi

- Menjadi pemudah cara mengahamikan benefisiari dan ahli waris;
- Mengetahui harta dan hutang si mati;
- Mendapatkan pengesahan wasiat di Mahkamah Tinggi Syariah (sekitarnya berkaitan);
- Mendapatkan Geran Probat dan Perintah Pembahagian di Mahkamah Tinggi Sivil;
- Melunaskan hutang pewasiat dengan Allah dan dengan manusia; dan
- Membahagikan harta kepada benefisiari yang telah ditentukan oleh pewasiat dalam Surat Wasiat Bertulis dan kepada ahli waris yang berhak mengikut Hukum Faraid.

Kepada Siapa Wasiat Patut Diberikan

- Keluarga yang miskin
- Anak yatim
- Anak angkat
- Anak susuan
- Masjid atau surau
- Badan kebajikan

Hikmah Disyariatkan Wasiat

- Mendekatkan diri kepada Allah dengan amalan kebajikan melalui harta yang ditinggalkan.
- Dapat menambah pahala dan menampung kekurangan dalam ibadah yang dilakukan semasa hayat.
- Melahirkan kesyukuran terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.
- Membantu menampung keperluan orang-orang fakir dan miskin yang tidak bernasib baik.
- Mengingatkan siaturrahim dengan kaum kerabat yang tidak menerima harta pusaka.

BERWASIAHLAH UNTUK JARIAH DIRI ANDA



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy

www.mais.gov.my



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG

Mohd Farid bin Baharon

PENGARANG

Noormala binti Mohd Saad

PENOLONG PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

JURUFOTO

Shahrul Effendy bin Md Saat

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Siti Zurinah binti Zainal Abidin
Mohd Hafiz bin Abdul Salam
Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin

BILAKAH BERAKHIRNYA USIA DUNIA?

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Pengurus Perundingan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Awal tahun 2020 berlaku kebakaran besar di Afrika dan Australia. Desas-desus pun bersebaran. Kononnya, tahun ini akan berlakunya *ad-Dukhan*. Ada juga yang berkata, Dajjal akan muncul.

Lalu, apakah *ad-Dhukan*? *Ad-Dukhan* ialah 'asap'. Ya, asap yang akan memenuhi muka bumi. Ia adalah sebahagian daripada tanda-tanda kiamat. Bererti, tidak lama selepas itu dunia akan 'tamat'. *Ad-Dukhan* juga adalah salah satu nama surah di dalam al-Quran.

Perhatikan peringatan Allah SWT lewat firman-Nya: "*Oleh itu tunggulah (wahai Muhammad) semasa langit membawa ad-Dukhan - asap kemarau - yang jelas nyata (yang menyebabkan kebuluran yang dahsyat)*," (*ad-Dukhan*, 44: 10)

Allah SWT mendatangkan *ad-Dukhan*, kerana manusia yang mengingkari Allah SWT dan rasul-Nya. Kesannya sangat tragis. Manusia akan binasa. Dunia akan rosak. Matahari tidak mampu berfungsi. Bumi akan mati.

Naratifnya mudah. Asap yang menyelimuti ruang udara dan atmosfera, menghalang cahaya matahari. Lalu, proses alami fotosintesis dan respirasi terhenti. Bayangkan manusia saat itu. Makanan akan habis. Berlakulah fenomena kebuluran luar biasa. Lahirlah pula persengketaan dan perkelahian. Saling berbunuhan untuk survival. Segalanya akan binasa.

Namun begitu, *ad-Dukhan* nyatanya belum berlaku. Maka kita wajib mencari tahu, mencari cara agar dapat taat kepada Allah SWT. Biarlah musibah *ad-Dukhan* itu jauh dari kita. Atau jika terjadi sekali pun, kita diselamatkan Allah SWT. Amin.

Mari kita tekuni ini. Hakikatnya, usia dunia memang sudah terlalu ganyut. Tahu maknanya? Sudah terlalu tua, teramat pikun dan tersangat renta. Ketika Nabi Muhammad SAW dibawa oleh Jibril a.s melewati gerbang israk dan mikraj, nabi menemui seorang wanita. Di pelupuk mata nabi, jelas terlihat dia terlalu tua. Sudah bongkok tiga.

"Siapakah itu wahai Jibril?" Nabi Muhammad SAW pun bertanya.

"Itulah usia dunia." Balas Jibril a.s.

Aduhai, sudah setua itu rupanya usia dunia. Itu kejadian lebih 1,400 tahun nan silam. Jika saat itu pun usia dunia sudah sepikun itu, bagaimana hari ini? Sudah sebongkok manakah dunia kita ini?

Maka, tidak hairanlah ramai pihak sering meramal. Kononnya sekian tarikh, dunia akan hancur. Kiamat akan berlaku. Dahulu, mereka meramalkan di tahun 2000. Saat alaf baharu muncul, semua sistem digital yang menggunakan komputer akan keliru. Tahun '00' gagal dibaca. Sistem jadi kacau, semuanya.

Ia masuk akal. Bayangkan, sistem komputer digunakan untuk mengawal banyak perkara. Penerbangan. Mengawal lalu lintas. Kapal di lautan. Malah jalinan keretapi laju. Juga perbankan dan pemerintahan negara. Apabila digit '00' gagal dibaca, maka berlakulah bencana. Berantakan dunia ini.

Namun nyatanya, ia hanyalah imaginasi. Dunia aman. Y2K berlalu penuh santai, dan kita bertahan hingga ke tahun 2020! Lalu apakah kita bersyukur atau terus lalai?

Kemudian ada lagi yang meramalkan. Kononnya, dunia akan binasa menjelang 2012. Gagal lagi. Kemudian mereka menyatakan, Disember 2019 kiamat pasti terjadi. Salah lagi.

Ini adalah suatu falasi (bahasa Inggeris: *fallacy*). Falasi bermaksud, kesilapan cara fikir dalam menghuraikan, membuat alasan dan mencerna pendapat. Hujung-hujungnya ialah, kesimpulan yang keliru. Nyata, teori kiamat itu adalah falasi jika pun tidak fantasi.

Realitinya, Islam tidak mengajar kita mencari benda yang susah untuk dijadikan amalan. Islam adalah agama pratikal, yang mudah perlaksanaannya. Tidak perlu ramalan, tetapi perlu persiapan.

Persiapan menghadapi kiamat, itulah yang realistik bagi orang Islam. Mendeapani kehancuran dunia bukan dengan cara meramal; tetapi dengan banyak beramal. Di saat tanda-tanda kiamat semakin jelas itu, apakah yang wajar berlaku?

Jawapannya, kembalilah kepada al-Quran dan as-Sunnah. Berpaksilah kepada Islam. Hunjamkan akar tauhid seteguhnya ke dalam hati. Lestarikan kebajikan selagi terdaya. Amalkan cara hidup bersyariah sekukuhnya. Yakinlah, Allah SWT tidak akan pernah mensia-siakan kita, amin. **Edisi**

HARI KIAMAT: SENTIASA BERSEDIA!

Oleh: **Halim Bin Mokhtar** (halim@kuis.edu.my)
Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

Beriman kepada hari Kiamat merupakan satu daripada rukun Iman yang wajib diyakini bahawa hari Kiamat pasti akan berlaku. Sekiranya mengingkarinya bererti seseorang itu terkeluar daripada agama Islam.

Firman Allah yang bermaksud: *"Dan bahawa sesungguhnya hari Kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak padanya, dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang yang berada dalam kubur."* (al-Haj: 7).

Hakikatnya hari Kiamat merupakan kebijaksanaan Allah yang telah merahsiakan tarikh sebenar berlakunya hari Kiamat. Ia bagi memastikan manusia sentiasa membuat persediaan untuk menghadapi saat getir tersebut agar tidak tergolong dalam kalangan manusia yang rugi. Tidak merasa panik dan takut, sebaliknya sentiasa bersedia!!!

Keseronokan dunia menyebabkan manusia sering alpa tentang hari Kiamat. Maka sangat signifikan manusia diberikan peringatan bahawa kehidupan di dunia adalah sementara sahaja. Bagi memastikan manusia tidak terus terlalai ada beberapa perkara yang mesti menjadi peringatan dalam menjalani kehidupan agar tujuan hidup adalah jelas. Antara peringatan yang dapat membawa manusia membuat persediaan Hari Kiamat adalah seperti berikut:

1. Kehidupan Di Dunia Hanya Sementara

Kehidupan dunia bukanlah kehidupan hakiki dan ia diibaratkan perhentian seorang musafir buat seketika untuk sampai ke tempat tujuannya. Dunia hanyalah tempat sementara sebagai jambatan yang menghubungkan kepada kehidupan akhirat yang kekal abadi. Maksimumkan manfaat keberadaan di dunia dengan sebaik-baiknya. Jangan sampai terlalai dan menyesal akibat mengejar dunia. Sepertimana firman Allah yang bermaksud *"Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan."* (Ali Imran: 185)

Persiapkan diri dengan amal ibadah berasaskan keimanan dalam melakukan kebaikan dan meninggalkan maksiat. Asasnya bersegeralah melakukan kebaikan kerana masa sangat terbatas.

2. Setiap Amalan Akan DiHisab

Percayalah bahawa persiapan menghadapi prosiding mahkamah Allah akan berlaku. Setiap amalan akan dihisab dengan bukti dan disaksikan anggota badan. Dengan kata lain *"Berani Buat Berani Tanggung"*. Berhati-hati setiap langkah dan aktiviti di dunia ini.

Firman Allah yang bermaksud: *"Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarrah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarrah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)"* (al-Zalzalah: 7)

Pintu taubat masih terbuka. Rebutlah peluang memohon keampunan dan kemaafan selagi nyawa dikandung badan. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: *"Sebaik-baik orang yang sering berbuat kesalahan adalah yang sering bertaubat kepada-Nya"* (Riwayat al-Tirmidzi).

3. Kematian Itu Pasti

Ingat mati adalah satu tuntutan. Syarat mati adalah hidup dan semua yang hidup pasti akan mati. Firman Allah yang bermaksud: *"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu."* (Ali Imran: 185). Buatlah persiapan dengan memperbanyakkan amalan yang soleh sebelum datangnya hari kematian yang telah dijanjikan oleh Allah. Ingat Mati Ingat Hari Kiamat!!

4. Amalan Soleh Sebagai Bekalan

Inilah sebaik-baik bekalan menuju hari Kiamat. Laksanakan dengan penuh rasa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Membuat persiapan bersungguh-sungguh dengan menginsafi dan meninggalkan segala perbuatan dosa dan maksiat serta memohon maaf di atas kesalahan sesama manusia serta memohon keampunan Allah. Jangan suka bertangguh atau terpedaya dengan perkataan "NANTI" atau slogan *"masih muda relaks dulu"* kerana itu adalah perangkap kehidupan dunia yang merugikan. Perhebatkan amalan dengan membelanjakan harta pada jalan Allah seperti amalan berzakat, berwakaf dan bersedekah.

Firman Allah yang bermaksud *"Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Rasul-Nya;"* (al-Hadid: 21)

5. Ilmu Sebagai Pembimbing

Persiapan yang wajib dimiliki oleh seorang muslim adalah ILMU. Khususnya ilmu yang berkaitan tentang peristiwa akhir zaman. Hanya dengan ilmu seseorang Muslim dapat memantapkan iman dan mempertingkatkan amal soleh. Dengan ilmu manusia akan terpandu dalam kehidupan dengan mengenal pahala. Jangan sampai tersesat dengan ajaran salah yang menyediakan pakej *"jalan pintas ke syurga"* yang akhirnya *Tersungkur di pintu syurga*.

Kesimpulannya ingatlah kehidupan ini pasti ada kesudahan, apabila terlalu asyik dalam menjalani kehidupan di dunia ini jangan lupa kehidupan di akhirat nanti. Janganlah termasuk dalam kumpulan yang masih lalai, berlengah-lengah dan alpa. Setiap peringatan menjadikan diri lebih insaf dan hati semakin dekat kepada Allah kerana teringatkan Akhirat. Bersedialah dan sentiasa mengambil iktibar untuk menuju akhirat yang kekal abadi. **Edisi**



AURAT DI KALANGAN REMAJA: KEPERLUAN ATAU KEWAJIPAN

Oleh: **Noormala Binti Mohd Saad** (noormala@mais.gov.my)
Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Betapa apabila melihat ancaman pandemik COVID-19, ia amat menakutkan. Namun ada hikmah dengan apa yang telah berlaku ini. Antaranya, lebih ramai masyarakat mengutamakan kebersihan terutamanya dengan memakai topeng muka.

Perkara ini amat baik dan boleh dikaitkan dengan menjaga aurat. Jika masyarakat rela memakai topeng muka untuk mencegah COVID-19, apatah lagi kepentingan menjaga aurat yang pastinya terlalu banyak manfaat bagi mencegah kemungkaran.

Saya berkesempatan mewawancara pendakwah tersohor, Ustaz Rusyidi Ramli al-Jauhari yang juga penulis buku bertajuk Aurat Mahkota Wanita bagi merungkai persoalan aurat di kalangan remaja, adakah suatu keperluan ataupun kewajipan.

Soalan: Adakah menutup aurat menjadi kepentingan di kalangan remaja?

Jawapan: Aurat daripada sudut bahasa adalah keaiban. Menutup aurat bermaksud menutup keaiban daripada dilihat oleh orang lain.

Menutup aurat merupakan kewajipan semua tidak kira lelaki mahupun perempuan sama ada remaja atau dewasa. Lebih-lebih lagi kepada perempuan kerana seluruh tubuhnya adalah fitnah (boleh membawa kemudaratan) sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Tarmidzi :

"Perempuan itu adalah aurat. Apabila dia keluar syaitan akan mengganggu pandangan untuk melihatnya".

Tidak ketinggalan juga peri pentingnya kaum lelaki menutup aurat walaupun auratnya lebih sedikit berbanding perempuan tetapi mempunyai hikmah yang tidak mampu disingkap oleh akal dan logik manusia.

Di sebalik itu pakaian adalah merupakan nikmat Allah SWT yang terbesar buat manusia sebagaimana yang Allah SWT firmankan di dalam al-Quran surah al-Araf ayat 26 :

"Wahai anak-anak Adam, sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian sebagai perhiasan yang indah. Pakaian taqwa itulah yang lebih baik. Yang demikian itu sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah. Mudah-mudahan mereka semua ingat".

Soalan: Apakah hikmah menutup aurat ini?

Jawapan: Hikmah terbesar adalah :

1. Untuk **menutup keaiban** agar tidak dilihat oleh orang lain.

2. Menutup aurat ini adalah **kehendak naluri seseorang manusia**. Sebab itu kalau kita merenung kembali kisah Nabi Adam a.s dan Hawa' sewaktu memakan buah larangan dalam syurga seluruh pakaiannya tertanggal. Mereka segera berlari mendapatkan daun-daun pokok untuk menutup aurat mereka. Jika difikirkan pertama tiada sesiapa dalam syurga melainkan mereka berdua, yang kedua belum ada syariat menutup aurat ketika itu tetapi mengapa mereka berdua berlari mendapatkan daun-daun untuk menutup aurat mereka. Ini kerana ia lahir dari naluri manusia yang malu apabila auratnya tersingkap. Dan sebab ini juga Allah SWT mensyariatkan kepada manusia untuk menutup aurat kerana memenuhi kehendak naluri mereka sendiri.

3. Untuk mereka **dikenali sebagai perempuan-perempuan yang baik**. Apa beza orang musyrik dengan orang yang beriman adalah kepada penampilan mereka pertama kepatuhan terhadap perintah Tuhannya dan yang kedua penampilan sopan menggambarkan agama mereka.

4. Untuk mengelakan gangguan orang lain sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Ahzab ayat 59 : *"Wahai Nabi, Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan ingatlah Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"*

Soalan: Bagaimana mendidik masyarakat terutamanya remaja agar menjadikan menutup aurat satu keutamaan sama ada lelaki atau perempuan.

Jawapan: Melentur buluh biarlah dari rebunginya. Mendidik anak untuk menutup aurat juga harus dimulakan seusia kecil. Biasakan mereka dengan pakaian yang menutup aurat di samping nyatakan rasional-rasional serta hikmah menutup aurat agar mereka memakainya dengan ilmu.

Pihak berkuasa terutama pihak sekolah mahupun di peringkat universiti mewajibkan menutup aurat dalam semua keadaan sama ada sepanjang tempoh pembelajaran mahupun ketika aktiviti riadah.

Ibubapa terangkan surah an-Nur kepada anak-anak kerana dalam surah an-Nur terdapat banyak ayat-ayat hukum berkaitan aurat dan batasannya, zina dan implikasinya serta garis panduan pergaulan dan mudaratnya. **Edisi**

Kesimpulan: Menutup aurat adalah perkara wajib yang dituntut oleh agama kita. Ianya bukanlah tertakluk kepada remaja sahaja malahan kepada semua umat Islam. Menutup aurat yang sempurna akan medatangkan natijah yang amat baik dan ia perlu dipupuk daripada kecil agar menjadi satu kerelaan yang sempurna.

BERSATU DI ATAS DOA

Oleh: **Hasal Bin Senin** (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif Pembangunan Kompetensi, MAIS

Para pembaca yang dikasihi sekalian,

Awal tahun 2020, dunia dikejutkan dengan virus COVID-19 yang sangat digeruni yang bermula di China seterusnya merebak ke seluruh dunia termasuklah negara kita. Banyak korban kematian yang dilaporkan diseluruh dunia sehingga ada negara yang terpaksa mengisytiharkan darurat dan *lockdown* kerana tidak dapat membendung keganasan virus ini merebak seterusnya menjangkiti manusia. Sehingga kini, belum ada vaksin yang ditemui bagi menyembuhkan manusia yang telah terjangkiti oleh virus ini.

Kita yakin, segala sesuatu itu berlaku dengan izin daripada Allah SWT dan pasti ada hikmah yang besar daripada musibah dan ujian tersebut. Alhamdulillah, antara langkah awal yang telah diambil oleh DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ialah mengarahkan setiap masjid dan surau disamping menggalakkan rakyat selangor bersama-sama dalam program #RakyatSelangorBerdoa. Menerusi kemas kini di laman Selangor Royal Office, Sultan Sharifuddin menitahkan agar program itu dilaksanakan pada setiap Isnin dan Khamis, jam 8.50 malam.

STAY AT HOME
"Kepada Allah Kami Memohon"

Rakyat SELANGOR BERDOA DITERUSKAN

6 APRIL 2020 ISNIN - 9 APRIL 2020 KHAMIS - 13 APRIL 2020 ISNIN
16 APRIL 2020 KHAMIS - 20 APRIL 2020 ISNIN - 23 APRIL 2020 KHAMIS
8.50 MALAM

BACAAN MUNAJAT & DOA DARI MASJID, SURAU & MUSOLLA SELURUH NEGERI SELANGOR

KAEDAH PELAKSANAAN

Imam berzikir dan membaca doa melalui **pembesaran** suara masjid, surau atau musolla.

Sesiapa yang tidak dapat mendengar dari masjid, surau atau musolla, hendaklah berzikir dan mengaminkan doa yang disiarkan secara langsung melalui **FACEBOOK LIVE**.

Ahli karib mengikut zikir dan **MENGAMINKAN** doa yang dibaca di kediaman masing-masing.

"Semoga Allah S.W.T mengangkat musibah wabak COVID-19"

#Bermunajat #MembesarkanAllah #MengharapBantuanAllah #RakyatSelangorBerdoa
www.jais.gov.my | Jabatan Agama Islam Selangor | jabatan.agama.islam.selangor

Program #RakyatSelangorBerdoa mula dianjurkan pada 30 Mac lalu bagi menzahirkan ikhtiar serta usaha dengan memohon pertolongan daripada Allah SWT bagi mendapatkan keselamatan, kerahmatan, keampunan dan perlindungan daripada ancaman wabak COVID-19. Salah satu caranya adalah dengan berdoa kerana doa adalah senjata bagi orang beriman. Banyak kelebihan berdoa antaranya adalah:

1 KETENANGAN Dapat memberi ketenangan kepada seseorang yang menghadapi masalah kerana segala kekusutan dan kepayahan yang ditempuhinya boleh disuarakan secara langsung kepada Allah SWT. Doa akan lebih berkesan sekiranya dilakukan pada tengah malam yang sunyi atau ketika orang lain sedang nyenyak tidur, diseperti malam.	2 KHUSYUK Doa yang diucapkan dengan penuh khusyuk dan pasrah sepenuhnya kepada Allah insyaAllah akan dimakbulkan sebagaimana firman Allah SWT : "Berdoalah kamu kepadaKu, nescaya aku perkenalkan doa permohonan kamu. (Surah al-mukmin 40:60)	3 RENDAH DIRI Orang yang tidak mahu berdoa kepada Allah memiliki ciri-ciri seorang yang sombong dan akan dimasukkan ke dalam neraka sebagaimana firman Allah SWT. "Sesungguhnya orang-orang yang sombong (takbur) daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina (Surah al-mukmin 40:60)	4 DIPERMUDAHKAN URUSAN Amalan berdoa sewaktu mengalami kesusahan merupakan amalan yang diajar oleh Rasulullah SAW : sebuah hadis yang diriwayatkan kepada Ibn' Abbas berkata "Adalah nabi apabila menghadapi kesusahan akan berkata 'Tiada Tuhan selain Allah yang Maha Besar lagi Maha Pengasih, Tiada Tuhan melainkan Allah Tuhan Semesta Alam dan Tuhan Arasy Yang Tinggi'.
--	--	---	--

Perlu diingatkan juga, sentiasalah berdoa kepada Allah dalam keadaan apa sekalipun samaada ketika susah mahupun senang. Jangan jadi orang yang ingat Allah ketika susah dan melupakannya ketika senang. Yakinih hanya pada Dia tempat terbaik untuk kita mengadu dan memohon pertolongan. Moga ada manfaatnya. Wallahu a'lam. **Edisi**

KEMENANGAN DI SEBALIK MUSIBAH

Oleh: **Mohd Hafiz Bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Perkataan musibah sering kali kita dengar. Musibah datang dalam pelbagai keadaan seperti kesusahan, kesakitan, kehilangan atau sebagainya. Musibah atau ujian akan sentiasa ditempuhi oleh setiap golongan manusia. Kita tidak akan dapat lari dari menerima ujian. Kadang-kadang terdetik juga di hati kita, kenapa aku! Kenapa bukan orang lain. Harus diingat dalam Islam, ujian adalah salah satu cara kita dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT ataupun sebaliknya. Allah SWT akan sentiasa menguji hambanya untuk melihat tahap keimanan kita. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Mulk, ayat 2 yang bermaksud:

"Dialah yang mentakdirkan adanya mati dan hidup untuk menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya dan ia maha berkuasa lagi maha pengampun"

Untuk lebih fokus bagi artikel kali ini, saya ingin mengaitkan musibah atau ujian yang berlaku sekarang iaitu virus COVID-19 bagi perbincangan kita pada kali ini. Negara Malaysia seperti yang kita sedia maklum, pada 23 Januari 2020 telah terdapat 3 pesakit yang telah dijangkiti dengan virus COVID-19. Dunia pula secara amnya, sedang bergelut dengan masalah penyebaran virus yang masih belum ada penawarnya ini yang bermula dari Bandaraya Wuhan, China pada pertengahan Disember 2019. Sehingga kini virus ini sedang menyerang dan merebak dengan cepat di seluruh dunia dan telah mengakibatkan beribu kematian. Kerajaan Malaysia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengeluarkan beberapa garis panduan dan cara terbaik bagi mengekang virus ini dari terus merebak. Salah satu kaedah pencegahannya adalah dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Apabila kita melihat situasi ini, musibah tersebut akan membawa kesan dari segi ekonomi dan sosial masyarakat. Dari segi ekonomi, kekangan kewangan yang diidepani rakyat sekarang ini boleh menjadi lebih parah jika keadaan ini berterusan dalam jangka masa yang panjang. Bagi gejala sosial pula, ia juga boleh berlaku seperti kes-kes kecurian, pergaduhan dan sebagainya. Impak dari kedua-dua masalah tersebut boleh menjadikan manusia hidup dalam keadaan tertekan, kemurungan, pemarah dan yang paling ditakuti ialah sehingga membunuh diri.

1 REDHA UNTUK MENERIMA DAN BERSANGKA BAIK DENGAN ALLAH SWT

Untuk bersangka baik, kita perlu melihat nikmat dan rahmat yang Allah SWT telah berikan kepada kita selama ini. Allah SWT tidak pernah zalim kepada hambanya bahkan selama ini nikmat berpanjangan daripada Allah SWT tidak pernah putus kita peroleh, pastinya setiap ujian itu mempunyai kebbaikannya tersendiri. Rasulullah S.A.W juga bersabda:

"Dan ketahuilah, sesungguhnya pada kesabaran ke atas apa yang kamu tidak sukai adanya kebaikan yang banyak, sesungguhnya pertolongan-Ku (dari Allah) bersama sifat sabar, dan sesungguhnya kelapangan itu bersama kepayahan, dan sesungguhnya kesusahan itu bersama kesenangan."

(Riwayat Ahmad)

2 Mencari Hikmah Atas Ujian yang Diberikan

Allah SWT sedang menilai di kalangan orang beriman dalam menghadapi sesuatu ujian. Oleh sebab itu sikap orang beriman, sentiasa akan mencari hikmah di sebalik sesuatu ujian dan kejadian agar mereka dapat kembali kepada Allah SWT. Sikap sentiasa bersabar juga dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT yang maha berkuasa.

3 Mencari Solusi di Atas Ujian yang Diberikan

Sering kali ujian dilihat itu sebagai masalah, tetapi dalam Islam telah mentafsirkan masalah itu sebagai ujian. Justeru setiap ujian perlu dihadapi dengan cara yang berkesan bukan lari dari ujian. Menghadapi ujian ibarat berada dalam dewan peperiksaan, kegagalan bukan disebabkan salahnya soalan tetapi lebih kepada jawapan salah yang diberikan. Ini bermakna, sebagai manusia yang berakal, carilah solusi yang tepat terhadap masalah yang kita hadapi dengan jalan yang sabar, solat dan berlandaskan syariat Islam.

4 Bermuhasabah dan Lebih Mendekatkan Diri kepada Allah SWT

Perbanyakkanlah berdoa agar masalah dipermudahkan. Dalam situasi musibah tertentu, jadikan ia medan untuk menilai semula jika musibah itu akibat perbuatan dan kealpaan kita sendiri. Setiap ujian atau kepayahan itu pasti diiringkan dengan kemudahan seperti yang dinyatakan dalam **Surah al-Insyirah**, ayat 5-6 yang bermaksud:

"Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan."

Secara kesimpulannya, pandanglah setiap ujian itu sebagai satu teguran dari Allah SWT kepada kita. Oleh itu, setiap ujian yang datang akan dianggap nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada kita. Untuk menjadikan kita sentiasa berfikir secara positif, saat diri kita diuji kita perlu melihat diri kita dari 4 sudut seperti berikut iaitu:

1 Tingkat ketaatan kita terhadap pelaksanaan perintah Allah

2 Maksiat yang kita buat telah berkurangan

3 Menjadikan kita manusia yang lebih bersyukur

4 Menjadikan kita orang yang lebih berfikir

Maka wajarlah bagi kita untuk pastikan 4 perkara di atas dapat direalisasikan bagi meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT. Kita hendaklah sentiasa merenung kembali sejauh mana hubungan kita dengan Allah SWT. Jadikanlah musibah yang berlaku untuk bermuhasabah diri. Jika semua ujian dan musibah tersebut dapat kita tempuhi dan hubungan langsung kita kepada Allah SWT juga semakin erat maka itulah kemenangan yang abadi dan kita akan kembali kepada fitrah asal iaitu berpaut pada tali Allah SWT. Wallahua'lam. **Edisi**

JALAN MENUJU KE SYURGA

Oleh: **Ahmad Firdaus Bin Muhammad** (firdaus@mais.gov.my)
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

Daud Ath Tho'i mengatakan bahawa: Sesungguhnya malam dan siang adalah tempat persinggahan manusia sampai dia berada pada akhir perjalanannya. Jika engkau mampu menyediakan bekal di setiap tempat persinggahanmu, maka lakukanlah. Berakhirnya safar (perjalanan) boleh jadi dalam waktu terdekat. Namu perkara akhirat lebih segera daripada itu. Persiapkanlah perjalananmu (menuju ke akhirat). Tunaikanlah kewajipan yang patut engkau tunaikan. Kerana mungkin sahaja perjalananmu akan berakhir dengan tiba-tiba.

Jalan menuju ke Syurga itu adalah seperti yang telah di lalui oleh para Nabi, Rasul, Sahabat, Tabiin dan orang-orang soleh yang bertakwa. Manakala jalan menuju ke Neraka itu adalah jalannya orang-orang yang menentang para Nabi dan Rasul serta orang-orang yang mengajak ke jalan Allah SWT.

Berikut adalah 10 Tips petikan daripada Al-Quran dan hadis tentang jalan menuju ke Syurga untuk sama-sama direnung dan diamalkan: **Edisi**

TIPS 1

Firman Allah S.W.T: "Allah menjanjikan kepada orang-orang mukmin, lelaki dan perempuan, (akan mendapat) syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, kekal mereka di dalamnya, dan (mendapat) tempat-tempat yang bagus di syurga Adn. Dan keredhaan Allah adalah lebih besar; itu adalah keberuntungan yang besar". (Surah at-Taubah: 72).

Beriman Hanya Kepada Allah S.W.T.

TIPS 2

Mereka semua di dalam neraka, kecuali satu agama. Mereka bertanya: "Siapakah mereka, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab, "Siapa saja yang mengikutiku dan (mengikuti) sahabatku." [Hadis Tirmidzi: No. 2565].

Mengikut Sunnah Para Nabi Dan Sahabat.

TIPS 3

Firman Allah S.W.T: "Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya". (Surah at-Taubah: 100).

Mengikut Sunnah Para Sahabat.

TIPS 4

"Wahai anak Adam, seandainya engkau mendatangi-Ku dengan dosa sepenuh bumi dalam keadaan tidak berbuat syirik sedikit pun pada-Ku, tentu Aku akan mendatangi-Mu dengan keampunan sepenuh bumi pula." [Hadis Tirmidzi: No. 3540].

Memohon Keampunan Daripada Allah S.W.T.

TIPS 5

Daripada Abu Hurairah, bahawa Nabi S.A.W bersabda "Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya". [Hadis Muslim: No. 4867].

Menuntut Ilmu.

TIPS 6

Firman Allah: "Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendahkan diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya) janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai" (Al-Araf: 205).

Mengingati Allah S.W.T Dalam Hatinya.

TIPS 7

"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah seseorang itu menyambung silaturahmi". [Hadis Bukhari: No. 4830].

Menyambung Silaturahmi.

TIPS 8

"Setiap umatku akan masuk syurga, kecuali orang yang enggan". Mereka bertanya, "Wahai Rasulullah, siapa yang enggan?" Beliau bersabda, "Barang siapa yang taat kepada-Ku, nescaya dia akan masuk syurga, dan siapa yang durhaka kepada-Ku, dialah yang enggan (masuk syurga)". [Hadis Bukhari].

Mentaati Perintah Allah S.W.T.

TIPS 9

"Amalan salah seorang dari kamu tidak akan menyelamatkannya. Seorang lelaki berkata: Walaupun engkau wahai Rasulullah. Nabi S.A.W bersabda: Walaupun aku, akan tetapi Allah saluti aku dengan Rahmatnya." [Hadis Muslim: No. 5165].

Melakukan Amal Kebaikan Dan Berdoa Memohon Rahmat Allah S.W.T.

TIPS 10

"Jika seorang wanita menunaikan solat 5 waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadhan), mengawal kemaluannya (maruahnya) dan ta'at kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki". [Hadis Ibn Hibban: No. 4163, 471/9].

Menjadi Isteri Yang Solehah.

Komen kes AMAK lwn ZJ

TUNTUTAN HADHANAH

Penulis: **Siti Zurinah binti Zainal Abidin** (zurinah@mais.gov.my)
Pengurus Kesetiausahaan, MAIS
Sumber: www.jakess.gov.my

Gambar Hiasan

Hadhanah bermaksud penjagaan anak-anak yang masih kecil yang belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri.

Mengikut Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam yang berkuatkuasa, ibu adalah yang paling berhak bagi menjaga anak-anaknya yang masih kecil (di bawah umur 7 tahun bagi lelaki dan 9 tahun bagi perempuan).

Bagi anak yang melebihi had umur di atas, jika berlaku pertikaian mengenai hak jagaan anak, Mahkamah akan menentukan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh anak-anak tersebut sama ada hendak tinggal bersama ibu atau bapa. Tuntutan hak jagaan anak (Hadhanah) ini hendaklah dikemukakan ke Mahkamah Tinggi Syariah.

Hak penjagaan terhadap anak yang tak sah taraf adalah pada ibu atau saudara-mara ibu.

RINGKASAN KES

Kes ini adalah rayuan oleh Perayu (bekas suami-ayah) ke atas keseluruhan perintah Hakim Bicara Mahkamah Tinggi Syariah Selangor antara lainnya iaitu mahkamah memerintahkan hak jagaan anak yang berumur 4 tahun diserahkan kepada Responden (bekas isteri-ibu).

Perayu (bekas suami) dan Responden (bekas isteri) telah bernikah pada 12 Mac 2006 dan bercerai pada 18 September 2014. Hasil perkahwinan tersebut, pihak-pihak dikurniakan 1 orang anak yang lahir pada 18 Oktober 2012.

Perayu memohon agar mahkamah Rayuan Syariah

memerintahkan Perayu dan Responden sebagai Penjaga Bersama anak tersebut.

UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

1. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 – Seksyen 76, 82, 83 dan 84
2. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 – Seksyen 73

KEPUTUSAN

1. Rayuan Perayu (bekas suami-ayah) ditolak; dan
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah dikekalkan iaitu hak jagaan anak yang berumur 4 tahun diserahkan kepada Responden (bekas isteri-ibu). **Edisi**

PERANAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN (PIBK) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Disediakan oleh : **Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS**
 Sumber : **Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS**

Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terus dilaksanakan di Malaysia mulai 18 Mac 2020 yang lalu. Wabak Corona virus atau COVID-19 ini terus menular di Negara Malaysia. Sehingga 30 April 2020 yang lalu terdapat 5,000 kes positif telah dicatatkan di Malaysia. Angka ini menunjukkan bahawa betapa seriusnya perkara ini perlu ditangani dengan segera supaya tidak menular ke tempat yang lain.

Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif prihatin dalam membantu membaik pulih ekonomi serta kebajikan rakyat Malaysia. Pelbagai alternatif telah dilaksanakan untuk meringankan bebanan rakyat Malaysia dalam menghadapi tempoh PKP ini.

Begitu juga dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak ketinggalan dalam menyampaikan sumbangan kebajikan kepada yang memerlukan. MAIS melalui Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang berdaftar di bawah MAIS, telah melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam membantu meringankan beban rakyat khususnya di Negeri Selangor yang terkesan dengan PKP ini.

Namun di dalam pelaksanaan tempoh PKP ini, rata-rata PIBK di Negeri Selangor melaksanakan aktiviti-aktiviti mengagihkan sumbangan berdasarkan kemampuan dan sumbangan orang awam. Antara sumbangan yang diberikan ialah set *Personal Protective Equipment* (PPE), set makanan kering dan basah, set perubatan dan keperluan asas harian. Sumbangan-sumbangan ini diutamakan kepada petugas-petugas barisan hadapan serta masyarakat yang terjejas pendapatan kesan pelaksanaan PKP.

Antara PIBK yang bergerak dalam menyampaikan sumbangan ialah Persatuan Sahabat PPUM, Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Cawangan Selangor, Pergerakan Puteri Islam Malaysia dan Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia (SALIMAH) Selangor serta banyak lagi.

Peranan yang telah dilaksanakan oleh PIBK ini bukan sahaja meraih kebaikan di dunia sahaja, malahan ia juga mendapat ganjaran di sisi Allah SWT di akhirat kelak. Semoga amalan-amalan kebaikan yang dilaksanakan di dunia ini mendapat ganjarannya di sisi Allah SWT. InshaAllah. **Edisi**



Sumbangan barangan asas oleh PERKIM Selangor kepada penduduk di Sabak Bernam



Sumbangan Persatuan Sahabat PPUM kepada petugas-petugas di Hospital PPUM



Sumbangan barang elektrik oleh HALUAN kepada Pusat Kesihatan Kajang

Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada **jpngoimais@gmail.com**

SHAH ALAM Mac 2020 – Program taklimat berkaitan Satu Ancaman Akidah telah berlangsung dengan jayanya anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini. Program ini dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor dan Pengurusan Tertinggi MAIS. Program selama setengah hari ini bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan kepada peserta tentang ancaman akidah di kalangan umat Islam kini. Sebanyak dua pembentangan kertas kerja dalam program ini antaranya adalah ‘Fatwa Tentang Fahaman Syiah’ yang disampaikan oleh Dato Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan ‘Ancaman Syiah di Negeri Selangor’ turut dibentangkan oleh wakil Polis Diraja Malaysia. Semoga program ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang bahayanya ancaman akidah di kalangan umat Islam kini. **Edisi**



SHAH ALAM Mac 2020 – DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah memanggil menghadap wakil-wakil dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jawatankuasa *Task Force* Menangani COVID-19 Negeri Selangor untuk menghadiri satu Mesyuarat Khas di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

Baginda ingin mendapatkan pandangan dan perkembangan mutakhir berkaitan dengan wabak tersebut di Negeri Selangor dan langkah seterusnya yang wajar diambil. Susulan daripada mesyuarat ini, satu kenyataan rasmi dari Istana Selangor telahpun dikeluarkan. **Edisi**

SHAH ALAM April 2020 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut serta bersama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd mengagihkannya sumbangan makanan ringan sumbangan daripada Syarikat QSR Brands kepada 10 buah rumah anak yatim sekitar Negeri Selangor. Antara rumah anak yatim yang terlibat ialah Rumah Bakti Al Kausar, Rumah Anak Yatim dan Hidayah Al Hijrah serta Rumah Jalinan Kasih. **Edisi**



SHAH ALAM Mei 2020– Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memperuntukkan sumbangan Idulfitri berjumlah RM742,000.00 kepada anak yatim di sembilan daerah di negeri ini yang berdaftar di bawah Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Sumbangan Idulfitri yang diagihkan kepada anak yatim tahun ini, dikreditkan terus ke akaun anak yatim atau penjaga. Seramai 7,420 orang penerima anak yatim akan mendapat sumbangan Idulfitri berjumlah RM100 setiap seorang secara berperingkat selewat-lewatnya 8 Mei ini. Kepada mereka yang ingin sama membantu anak-anak yatim bolehlah menyalurkan sumbangan terus ke <http://fpx.mais.gov.my/epay/say.php>. **Edisi**

Sumber : **Jabatan Agama Islam Selangor**



Sumber : **Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**



Program Taklimat Pengurusan Jenazah COVID-19 Dan Isu-Isu Semasa Pengurusan Jenazah Dalam Tempoh Penularan Wabak

SHAH ALAM Mac 2020 - Jabatan Agama Islam Selangor telah mengadakan taklimat Pengurusan Jenazah COVID-19 dan Isu-Isu Semasa Pengurusan Jenazah Dalam Tempoh Penularan Wabak di Bilik Melati, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Taklimat Pengurusan Jenazah COVID-19 disampaikan oleh YBrs Dr Nazirul Akhmal Samsuddin, Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia. **Edisi**



Program Prihatin Ramadan Badan Dakwah Daerah Petaling 1441H/2020 Siri 1

SHAH ALAM Mei 2020 - Unit Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Petaling telah menganjurkan Program Prihatin Ramadan Badan Daerah Petaling bermatlamatkan membantu meringatkan bebanan masyarakat Orang Asli di daerah Petaling berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bahkan ianya berada pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Bantuan yang disalurkan adalah berbentuk bekalan makanan seperti beras, gula, tepung, bihun, sardin dan lain-lain. **Edisi**



Misi Prihatin COVID-19 Diteruskan

SHAH ALAM April 2020 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Pejabat Agama Islam Daerah Petaling, Majlis Guru Besar Daerah Petaling dengan kerjasama Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong (MTAJ) baru selesai menjalankan misi prihatin COVID-19 kepada petugas barisan hadapan (*frontliner*) Hospital Sungai Buloh dan post-post kawalan jalanraya yang dikawal oleh pihak PDRM dan ATM. Sumbangan dalam bentuk kelengkapan keperluan dan makanan ringan untuk petugas hadapan hospital dalam menangani pesakit COVID-19. **Edisi**

ADUN Sungai Ramal Menyampaikan Sumbangan Kepada Pelajar KUIS

SHAH ALAM April 2020 - Penghargaan kepada Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar, ADUN Sungai Ramal atas kesudian menyampaikan sumbangan kepada pelajar KUIS pada 24 April 2020. Terima kasih atas keperihatinan YB. **Edisi**



Pelajar KUIS Pulang ke Kampung Halaman

SHAH ALAM Mei 2020 - Giliran kumpulan pertama mahasiswa KUIS pula untuk pulang ke rumah masing-masing di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. 11 orang pelajar dihantar balik dengan SOP yang ketat ke beberapa daerah antaranya Kajang, Banting, Sungai buluh, Gombak, Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam. **Edisi**

Sumber : Lembaga Zakat Selangor



COVID-19: LZS Sumbang 2,000 Set Kelengkapan PPE Bantu Petugas Barisan Hadapan

SHAH ALAM MEI 2020 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) hari ini menyerahkan sumbangan 2,000 set kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE) kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi kepada Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Dato' Indera Dr. Sha'ari Ngadiman.

Set kelengkapan PPE ini telah dihasilkan dengan kerjasama kakitangan dan pelajar Management and Science University (MSU) bagi membantu petugas barisan hadapan meneruskan tugas menangani COVID-19.

Untuk makluman, sumbangan set PPE adalah sebahagian daripada Bantuan Khas COVID-19 yang diumumkan LZS pada Mac lepas, bagi memenuhi keperluan kebajikan dan perubatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak COVID-19.

Melalui Bantuan Khas COVID-19, LZS telah menyalurkan sumbangan tiga buah mesin ventilator dan kelengkapan perubatan lain kepada hospital dan institut perubatan sekitar Selangor. **Edisi**

Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Rumah Kebajikan Anak Yatim Seliaan YIDE Terima Cecair Basmi Kuman

SHAH ALAM MAC 2020 – Ekoran peningkatan kes jangkitan COVID-19 di seluruh negara, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengambil inisiatif dengan mengedarkan Hand-Sanitizer di Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim di bawah seliaan YIDE.

Usaha ini adalah merupakan langkah-langkah awal bagi membendung penularan wabak COVID-19 di antara kanak-kanak yang mudah terdedah dengan risiko jangkitan. Edaran ini diketuai oleh Muhammad Zubair Azizan, Pegawai Hal Ehwal Kebajikan YIDE dan turut hadir Mohd Zufayri Mohd Zamri, Pegawai Audit & Risiko YIDE.

Kunjungan YIDE ini selaras dengan usaha murni pihak YIDE untuk memastikan kebajikan dan perlindungan anak-anak yatim sentiasa terpelihara dan terjaga. **Edisi**



Program Jom Baca 10 Minit Melalui Aplikasi Skype

SHAH ALAM April 2020 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) hari ini telah mengadakan Program Jom Baca 10 minit secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Skype For Business melalui capaian 1govuc.

Sempena Hari Buku & Hak Cipta Sedunia, Program dimulakan dengan bacaan buku selama 10 minit yang disertai oleh Ketua Hakim Syarie, YAA Dato' Mohammad Adib bin Husain, Ketua Pendaftar, YA Puan Noor Huda Roslan dan semua Ketua Unit/Bahagian bagi menyahut seruan kerajaan ke arah budaya membaca amalan mulia. **Edisi**



SIRI BELAJAR JAWI


SEBUTAN DAN EJAAN NAMA-NAMA BULAN ISLAM

Sumber: Jabatan Mufti Negeri Selangor

Muharram	مُحَرَّم
Safar	صَفَر
Rabi'ul Awwal	رَبِيعُ الْأَوَّل
Rabi'ul Akhir	رَبِيعُ الْآخِر
Jumadal Ula	جُمَادَى الْأُولَى
Jumadal Akhirah	جُمَادَى الْآخِرَة
Rajab	رَجَب
Sya'ban	شَعْبَان
Ramadhan	رَمَضَان
Syawwal	شَوَّال
Zulqa'dah	ذُو الْقَعْدَة
Zulhijjah	ذُو الْحِجَّة

TEKA SILANG KATA JAWI
(SIRI 2)

Disediakan Oleh:

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakat.selangor.com.my)
Pengurus Perundingan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Arahan:

1. Teka silangkata ini dalam ejaan jawi baharu
2. Sila jawab dari kanan ke kiri atau dari atas ke bawah
3. Gunakan pembayang yang diberi untuk mencari jawapan tepat
4. Anda boleh menyemak ejaan jawi di Kamus Dewan edisi internet di <http://prpm.dbp.gov.my/>.

Dari kanan ke kiri:

1. Pada pagi hari raya, _____ bagi umat Islam mendirikan solat raya dan mendengar khutbah hari raya.
2. Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas _____.
3. Setiap pagi Abu suka makan _____ canai dan minum teh tarik.
4. Kebahagiaan sesebuah keluarga apabila seorang lelaki mendapat _____ solehah sebagai isteri.
5. Apabila kita memberikan wakil kepada orang lain, dalam bahasa Arab disebut sebagai _____.

Dari atas ke bawah:

- 1a: Allah SWT telah menetapkan sehari semalam ada _____ waktu solat.
- 2a: Zakat itu bermakna, mengeluarkan harta yang tertentu, dengan syarat yang tertentu, untuk diagihkan kepada asnaf tertentu juga dengan syarat-syarat yang _____. Jadi zakat adalah ibadah yang sangat tertentu.
- 3a: Nanti masa hari jadi, saya nak tempah _____ keju daripada awak ya.
- 4a: Sepanjang musim PKP di era pandemik COVID-19, polis dan _____ sama-sama berganding bahu menjaga pergerakan orang awam dari melintas sempadan negeri.
- 5a: Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kamu kepada _____ Allah dan janganlah kamu bercerai-berai," (Surah Ali 'Imran: 103). Sesungguhnya, tali yang dimakdukan oleh Allah SWT di dalam ayat al-Quran berkenaan adalah agama Islam. **Edisi**

* Untuk semakan jawapan, hantarkan keratan ke emel pro@mais.gov.my. Kumpulkan Siri Teka Silang Kata Jawi sehingga Bil. 4/2020 untuk memenangi hadiah misteri.

“Dulu Jual Nasi Lemak,” Suliza Tekad Bantu Suami Ubah Nasib Keluarga

Oleh: **Shahrul Effendy bin Md Saat** (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam MAIS

Kesusahan hidup sejak kecil tidak mematahkan semangat Suliza Sulaiman, 45, sebaliknya wanita cekal itu, berusaha gigih untuk keluar dari kepompong itu dan mengubah nasib keluarganya. Meskipun dibesarkan dalam keluarga yang sederhana dan termasuk dalam golongan asnaf, ibu kepada empat cahaya mata ini, tidak mudah putus asa kerana yakin masa depan keluarganya akan berubah suatu hari nanti.

Suliza juga mengakui cabaran yang diharunginya bukan mudah dan memberikan seribu satu kekuatan untuk tampil berjaya dalam kehidupan. Mengimbas balik kehidupan yang dilaluinya bersama suami yang ketika itu, hanyalah bekerja sebagai pemandu lori dengan pendapatan RM1,000 sebulan, Suliza tidak pernah kecewa dengan kehidupan yang dialaminya, namun beliau tekad untuk membantu suaminya menambah sumber pendapatan.

“Pada tahun 2016 ketika itu, akak sekadar menjual nasi lemak dan kuih muih di hadapan rumah dengan pendapatan yang tidak menentu untuk membesarkan anak-anak yang masih kecil bersekolah,

“Mula-mula jualan nasi lemak ok, tapi tak tahulah lepas tu merudum sampaikan sehari tak sampai pun RM50 untung jualan,” ujarnya.

Suliza ketika dihubungi berkata, pendapatan isi rumah keluarganya pada tahun itu, tidak mencukupi sehingga beliau layak menerima bantuan persekolahan anak-anak dan bantuan hari raya dari Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Kekal Positif

Lumrah kehidupan, setiap pekerjaan termasuk perniagaan sentiasa berdepan cabaran, namun sikap positif Suliza membuatkan segala rintangan, dilalui dengan penuh sabar.

Kejayaan yang dicapai oleh Suliza menerusi MyBidan House

Suliza bersama suaminya
(Mohd Nasir Ismail)



“Akak tekad untuk mencari pendapatan yang lain, sehinggalah terbaca iklan kursus MyBidan House ini, kebetulan pula, akak memang suka urut-urut ni, cuma tak ada ilmu pasal ilmu urutan.

“Kursus ini, akak dapat tahu diuruskan oleh Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS), anak syarikat MAIS yang membantu asnaf untuk memulakan perniagaan dan menambah sumber pendapatan,” katanya yang mula mengikuti kursus MyBidan House sejak 2017,” ujarnya.

“Selepas habis kursus, akak terus tekad mencari 30 pelanggan pertama untuk praktikkan ilmu urutan ini, mula-mula rasa takut dan kurang yakin sebab bayaran harga yang ditetapkan oleh MyBidan House sebanyak RM80 sekali urut difikirkan mahal oleh pelanggan.

“Mula-mula memang tak yakin nak urut orang, tapi pelanggan yang akak urut, ada yang memuji cara urutan akak, akak jadi seronok dan bersemangat, lebih-lebih lagi pendapatan mengurut ini lumayan, dan akak pernah terima bayaran pendapatan paling tinggi sebanyak RM15,000 sebulan,” katanya.

Apabila sertai MyBidan House ini, alhamdulillah hidup keluarga akak, sedikit demi sedikit berubah dan mampu menjana pendapatan dengan lebih lumayan. Dulu, akak tak mampu nak bayar zakat, tapi sekarang akak mampu untuk bantu mereka yang memerlukan, lebih-lebih lagi untuk menjadi terapi urut yang berjaya di bawah MyBidan House,” katanya yang turut mempromosikan pakej urutan di Facebook miliknya, Suliza Sulaiman (Suliza MyBidan House).

Pakej urutan selepas bersalin yang disediakan serendah RM120, manakala pakej penuh yang ditawarkan bernilai RM1,950 untuk tempoh seminggu penjagaan dengan seorang pembantu,” katanya yang kini bukan kategori asnaf lagi.

Terima Kasih LZS dan TERAS

Suliza juga tidak menafikan golongan asnaf ini ada banyak peluang untuk mendapatkan pelbagai bantuan khususnya modal perniagaan yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS). **Edisi**



SOAL JAWAB WASIAT

Disediakan oleh: **Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS**
Sumber: **Sektor Baitulmal, MAIS**

Apakah hukum wasiat ustaz?

Hukum wasiat adalah bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu, contohnya seperti berikut:

1. **Wajib** – Jika terdapat tanggungjawab syarie yang perlu dilaksanakan seperti zakat dan haji dan dia bimbang harta berkenaan habis jika tidak diwasiatkan. Begitu juga, jika berkaitan dengan hutang dan wadiah sekiranya pemilik sebenar tidak dikenali oleh orang lain.
2. **Sunat** – Jika berwasiat untuk kaum kerabat yang memerlukan sedangkan mereka tidak berhak mendapat harta pusaka. Begitu juga berwasiat kepada orang miskin dan untuk tujuan kebajikan pada jalan Allah.
3. **Harus** – Jika berwasiat kepada sahabat handai atau orang kaya yang mana mereka bukan dari golongan yang berilmu dan beramal soleh.
4. **Makruh** – Jika pewasiat seorang yang kurang berada dan mempunyai waris-waris yang ramai serta memerlukan harta.
5. **Haram** – Jika berwasiat kepada perkara yang haram.

Bolehkah berwasiat melebihi 1/3 harta pewasiat ustaz?

Wasiat yang melebihi kadar 1/3 harta pewasiat adalah tidak sah kecuali waris-waris bersetuju dengan kadar yang lebih itu.

Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *Sa'ad Bin Abu Waqqas berkata: "Telah datang Rasulullah s.a.w untuk melihatku sedang aku berada di Makkah. Aku berkata, "Wahai Rasulullah, apakah aku harus mewasiatkan semua hartaku." Baginda menjawab, "Tidak." Aku berkata, "Sebahagiannya." Baginda menjawab, "Tidak." Aku berkata, "Sepertiga." Baginda menjawab, "Ya, sepertiga."*

Dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya apabila engkau meninggalkan ahli waris kaya itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta kepada manusia dengan tangan mereka"

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Jika saya tidak berharta bolehkan saya berwasiat dan di mana saya boleh membuat wasiat?

Boleh, wasiat bukan sekadar ada harta sahaja, jika mempunyai hutang wajib membuat wasiat dan jika ingin menyampaikan apa-apa pesanan kepada waris selepas kematian, digalakkan untuk membuat wasiat secara berdokumentasi.

Wasiat boleh dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Wasiat MAIS atau secara atas talian dengan mengisi borang di laman web wasiat.com.my. **Edisi**


SYAMAIL MUHAMMADIYAH: PERIBADI JUNJUNGAN MULIA NABI KITA

TERBITAN: KEMILAU PUBLIKA

Oleh: **Mohd Hafiz Bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Nabi Muhammad S.A.W adalah rasul akhir zaman yang telah diutuskan Allah untuk menyebarkan Islam sebagai rahmat kepada sekalian alam. Sebagai umat Islam seharusnya kita mengenali sangat-sangat dan mengetahui ciri-ciri serta keperibadian baginda Rasulullah dalam memupuk rasa kecintaan kita terhadapnya. Justeru, saya sangat menyarankan kepada anda semua untuk mencari dan mengkhataamkan buku Syamail Muhammadiyah ini di mana buku ini mengandungi 415 hadis dalam 56 bab. Buku ini juga adalah diantara karya agung ulama silam yang berjaya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu berkaitan Nabi Muhammad S.A.W. Buku ini juga sesuai untuk dijadikan rujukan bagi sesiapa yang ingin mengenali dengan lebih dekat keperibadian agung Nabi Muhammad S.A.W, di mana kitab yang asalnya telah dikarang oleh Imam al-Tirmidzi.

Terjemahan kitab ini berpandukan kitab syarah bagi memastikan pemahaman teks dan penggunaan istilah tidak lari dari maksud kitab asalnya. Rujukan yang telah digunakan ialah Kitab al-Mawahib al-Ladunniyah Ala Syamail al-Muhammadiyah hasil karangan Imam al-Bajury (dilahirkan pada 1198H dan meninggal pada 1277H) yang bermazhab asy-Syafie. Terjemahan ini juga telah mengguna pakai susunan bab serta nombor hadis yang terdapat dalam kitab syarah ini. Seterusnya apabila di lihat kepada kualiti hadisnya, apa yang penting adalah pengarang telah meletakkan kualiti setiap hadis kepada kategorinya iaitu Sahih, Hasan, Daif, Sangat Daif dan Maudu' (Palsu). Untuk kitab Syamail Muhammadiyah ini tiada hadis maudu' yang dijumpai.





Buku ini sangat menitikberatkan kepuasan pembaca dalam meneguk ilmu yang terkandung dalam setiap bab yang dipersembahkan. Kandungan setiap bab yang ringkas, menarik dan penggunaan bahasa yang mudah difahami dapat menarik minat semua kelompok pembaca. Kecenderungan penghasilan buku terjemahan ini akan menjadi pemangkin dan menyemai minat membaca dalam membangun tamadun cintakan ilmu.

Secara jujurnya, setelah membaca dan menghayati keseluruhan bab dalam buku terjemahan ini, saya dapati buku ini sangat ringkas dengan sumber yang sangat padat dan sangat sesuai untuk diperdengarkan sebagai tajuk kuliah di surau-surau atau di masjid dan juga perbincangan di majlis ta'lim bersama keluarga di rumah. **Edisi**

NOTA PENTING :

Untuk pertanyaan dan urusan pinjaman sila hubungi Encik Mohd Zharif, Eksekutif Perpustakaan Wakaf di talian 03-5510 8631 atau layari sendiri Katalog Online Perpustakaan Wakaf di <http://libmais.gov.my> untuk carian bahan yang lain.



IMAM AL-TIRMIDZI

Oleh: **Mohd Hafiz bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Nama Sebenar:	Imam al-Tirmidzi ialah Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa as-Sulami al-Tirmidzi.
Nama panggilan:	Dikenali dengan nama al-Tirmidzi kerana bersempena dengan tempat kelahiran beliau iaitu Tirmiz. Sebahagian ulama memanggilnya al-Turmuzi dengan dibariskan dommah pada huruf Ta dalam bahasa Arab.
Tarikh Lahir:	205H di Bugh, Tirmiz
Tempat Lahir:	Sebuah bandar yang mashur berhampiran dengan Sungai Jaihun. Sekarang tempat tersebut adalah Uzbekistan.
Meninggal Dunia:	13 Rejab 279H di tempat kelahirannya juga ketika berumur 74 tahun.

Para ulama menceritakan, Imam al-Tirmidzi telah mula belajar dengan ulama yang hebat-hebat sebelum berumur 10 tahun. Beliau telah menjelajah ke serata negeri dan menuntut ilmu daripada ramai ulama dikalangan orang Khurasan, Iraq dan Hijaz. Antara ulama yang pernah menjadi guru beliau adalah Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Ali bin Hujr al-Marwazi, Qutaibah bin Sa'id dan Muhammad bin Basysyar (Ghundar).

Para ulama besar telah memuji dan menyanjungnya, dan mengakui akan kemuliaan dan keilmuannya. Al-Hafiz Abu Hatim Muhammad ibn Hibban menggolongkan al-Tirmidzi ke dalam kelompok "Tsiqah" atau orang-orang yang dapat dipercayai dan kukuh hafalannya, dan berkata:

"Tirmidzi adalah salah seorang ulama yang mengumpulkan hadis, menyusun kitab, menghafal hadis dan bermuzakarah (berdiskusi) dengan para ulama."

Abu Ya'la al-Khalili pula dalam kitabnya 'Ulumul Hadith menerangkan:

Muhammad bin 'Isa al-Tirmidzi adalah seorang penghafal dan ahli hadis yang baik yang telah diakui oleh para ulama. Ia memiliki kitab Sunan dan kitab *al-Jarh wat-Ta'dil*. Hadis-hadisnya diriwayatkan oleh Abu Mahbub dan banyak ulama lain. Ia terkenal sebagai seorang yang dapat dipercayai, seorang ulama dan imam yang menjadi ikutan dan yang berilmu luas. Kitabnya *al-Jami'us Shahih* sebagai bukti atas keagungan darjatnya, keluasan hafalannya, banyak bacaannya dan pengetahuannya tentang hadis yang sangat mendalam.

Imam al-Tirmidzi juga telah menghasilkan banyak buku lain dalam bidang hadis. Sebahagian daripada kitab-kitab itu tidak dapat ditemui sehingga ke hari ini. Manakala sebahagian lain menjadi kitab utama buat seluruh penuntut ilmu agama. Diantara kitab beliau ialah *al-'Ilal as-Soghir*, *al-'Ilal al-Kabir*, *az-Zuhd*, *al-Jami'us Shahih*, *al-Jarh wat-Ta'dil*, *al-Asma'wal Kuna* dan kitab yang sedang sangat masyhur iaitu *Kitab Syamail Muhammadiyah*. **Edisi**

TERAS

Teraju Ekonomi Asnaf

Anak Syarikat Majlis Agama Islam Selangor

ANTARA PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH TERAS

AGIHAN MAKANAN

Mengagihkan bantuan makanan asasi seperti beras, gula, tepung & minyak masak kepada asnaf fakir dan miskin

TERAS menjalankan operasi pengagihan makanan di 9 buah daerah



PERKEMBANGAN USAHAWAN

Melahirkan usahawan asnaf yang berdikari, proaktif dan berkarisma melalui bantuan modal dan pemantauan berterusan untuk meningkatkan jumlah usahawan asnaf yang berdaya maju untuk keluar dari status asnaf fakir miskin



LATIHAN ASNAF

Pengeluar & pembekal pakaian sekolah rendah dan menengah

Membantu asnaf fakir miskin untuk memperoleh pendapatan

Pusat Latihan Jahitan (PLJ) menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1, 2 dan 3 yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)



TERAS

TERAJU EKONOMI ASNAF SDN BHD (200740-H)
No 29-G, Jalan KS9/KU5, Taman Klang Sentral, Bukit Raja,
41050 Klang, Selangor Darul Ehsan

● +603-33413654 ● +603-33410422
● admin@myteras.com ● www.myteras.com

'PENERAJU PEMBANGUNAN EKONOMI ASNAF'

ايسد

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

“Dulu Jual Nasi Lemak,”
Suliza Tekad Bantu
Suami Ubah Nasib
Keluarga

LIHAT MUKA SURAT 15



PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU KUIS BAGI SESI I 2020/2021

Pendaftaran secara **ONLINE** mengikut peringkat pengajian :

* Sila rujuk laman web KUIS untuk permohonan.

Asasi	1 Julai 2020 (RABU)
Diploma (Sepenuh /Separuh Masa)	2 Julai 2020 (KHAMIS)
Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh /Separuh Masa)	3 Julai 2020 (JUMAAT)

Pendaftaran Asrama secara **WALK-IN** :

Asasi & Diploma	4 Julai 2020 (SABTU)
Ijazah Sarjana Muda	5 Julai 2020 (AHAD)

Pelajar baharu akan tinggal di asrama

- Pendaftaran pelajar secara dalam talian
- Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan bersemuka.



JOM MASUK
KUIS

KLIK UNTUK
MAKLUMAT PENTING
PENDAFTARAN
ONLINE



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN
1010738-K
"PRIHATIN KEBAJIKAN UMMAH"

JOM INFAQ!

KE AKAUN :

"YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN"

BANK ISLAM

(1223-40100-07330)

ATAU LAYARI TERUS LAMAN WEB :

WWW.YIDE.COM.MY

SCAN DI SINI :



INFAQ ANDA UNTUK MANFAAT:



MENYALURKAN
SUMBANGAN
BENCANA /
MUSIBAH



MEMBANTU 268
PESAKIT DIALISIS
DI PUSAT
DIALISIS MAIS



MENYALURKAN
BANTUAN KEPADA
8,500 ANAK YATIM
DI NEGERI
SELANGOR

MAKLUMAN!

SUMBANGAN ANDA LAYAK
MENDAPAT PERLEPASAN CUKAI
DIBAWAH SUBSEKSIYEN 44 (6)
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

NO. LHDN.01/35/42/51/179-6-7622

MELALUI RESIT RASMI YANG DIKELUARKAN
OLEH YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



YIDE_OFFICIALHQ



WWW.YIDE.COM.MY